

Pejabat Pengarah UMS-KAL terima Anugerah 5S

LABUAN: Pejabat Pengarah Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) memenangi Anugerah Amalan 5S Terbaik peringkat UMS-KAL untuk bulan Mac 2010.

Pejabat pengarah yang terletak di Tingkat 13, Bangunan Menara UMS-KAL meraih anugerah keseluruhan Pencapaian Cemerlang 5S.

Sementara itu, Bahagian Perkhidmatan Akademik memenangi tempat pertama, diikuti Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) dan Pejabat Kokurikulum.

Semua sijil pengiktirafan disampaikan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang, pada satu majlis ringkas di ruang legar, kelmarin.

Turut hadir Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran, Musnin Materseh dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana, Suffian Osman.

Pertandingan Amalan 5S itu membabitkan Pejabat Bahagian Pentadbiran, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Kewangan, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta Bahagian Perkhidmatan Komputer dan Instrumentasi (BPKI).

Turut menyertai pertandingan itu ialah Bahagian Keselamatan, Pembangunan dan Penyelenggaraan, Perpustakaan, Masjid, Kolej Beta, Kolej Alpha dan Pejabat Mutiara.

5S merupakan singkatan kepada Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal.

Dr. Shariff berharap semua pegawai, pensyarah dan kakitangan sokongan akan mengamalkan 5S untuk memudahkan kerja di dalam pejabat selain memberikan keselesaan kepada warga universiti.

"Dengan adanya amalan 5S, pejabat juga kelihatan cantik dan menarik serta mampu meningkatkan motivasi kepada kakitangan dan pelanggan UMS-KAL," katanya. - **OLEH JAINUDIN DJIMIN** (jainuddin@newsabahtimes.com.my)